

PENTAKSIRAN SETARA STANDARD
REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI TAHUN 6

BAHAGIAN B

Arahan: Jawab semua soalan di bahagian ini.

A. Padankan bahan pengikat dan pencantum dengan alatan tangan yang betul.

1.



2.




3.



4.



5.



(10 markah)

RBT TAHUN 6

B. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

lakaran projek	larutan nutrien	menyelenggara	papan tanda	kalis serangga
legap	kukuh	elektrik	tali sawat	hidroponik

- a) Hidroponik adalah cara menanam tanpa menggunakan tanah. Tanaman cara ini hanya memerlukan takung untuk diisi dengan _____.
- b) Sebelum menyimpan alatan tangan yang telah digunakan, kita hendaklah _____ dahulu alatan tersebut.
- c) Takal biasanya dihubungkan dengan menggunakan _____.
- d) Menanam secara _____ dilakukan di kawasan tanah yang tidak subur dan tiada saliran yang baik.
- e) Sebelum membina projek yang menggunakan sistem asas elektromekanikal, kita perlulah membuat _____ terlebih dahulu.
- f) Tanaman secara hidroponik boleh dilakukan dalam rumah _____ untuk mengelakkan serangan perosak.
- g) PVC ialah sejenis bahan plastic yang ringan, keras, _____, mudah di lentur, kuat dan tahan lama.
- h) PVC di buat daripada bahan _____ yang tidak dapat menembusi cahaya melaluinya.
- i) Paip PVC digunakan dengan meluas dalam sistem perpaipan bekalan air dan pendawaian _____.
- j) Perspeks digunakan dengan meluas dalam penghasilan produk seperti _____, pembuatan perabot dan plat nombor kenderaan.

(10 markah)

RBT TAHUN 6

C. Susunkan langkah-langkah yang betul memulakan proses tanaman hidroponik. Tulis nombor.

A Simpan di tempat yang tidak terkena hujan tetapi masih mendapat sinar matahari.	
B Masukkan dua hingga empat biji benih ke dalam span.	
C Biji benih yang telah bercambah selepas beberapa hari disemai.	
D Ukur, tanda dan potong span mengikut saiz yang dikehendaki.	
E Susun span dalam dulang semaian dan rendam span sehingga basah.	

(5 markah)

D. Tulis **BENAR** pada pernyataan yang betul dan **SALAH** pada pernyataan yang tidak betul.

a) Gear pemacu akan berputar dan menggerakkan gear yang lain apabila motor berfungsi.

b) Pahat digunakan untuk memotong kayu yang tebal dan besar.

c) LED yang dipasang pada projek palang keselamatan tidak akan berfungsi jika kekutuban yang dipasang terbalik.

d) Hanya anak benih yang sihat sahaja perlu dipilih dan dimasukkan dalam raga tanaman untuk ditanam secara hidroponik.

e) Cara yang paling sesuai untuk menuai buah cili dan lada adalah dengan cara mencabut pokoknya.

(5 markah)

RBT TAHUN 6


E. Kira anggaran kos untuk membina projek palang keselamatan seperti dalam jadual yang berikut dengan mengisi tempat kosong.

Bil.	Bahan	Kuantiti	Kos/unit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Kayu A	4	0.20	0.80
2.	Papan	4	0.20	
3.	Perspeks	4	0.30	
4.	MDF	1	1.00	
5.	PVC	2	0.40	
6.	Zink	2	0.10	
7.	Motor	1	1.50	
8.	Suis tekan tutup	1	2.00	
9.	Pemegang bateri	1	2.00	
10.	Wayar	1 m	0.50	
Jumlah keseluruhan kos				


(10 markah)

RBT TAHUN 6


F. Gambar di bawah menunjukkan system elektromekanikal yang digunakan untuk menghasilkan projek. Padankan sistem elektromekanikal tersebut.



Motor dan gear



Motor, takal dan talisawat



Motor, gegancu dan rantai

(3 Markah)

G. Gariskan jawapan yang sesuai.

1. Perspeks bersifat (lembut, keras) dan banyak digunakan dalam pembuatan (plat kenderaan, paip).
2. Dawai kokot ialah bahan (kemasan, pengikat) yang boleh digunakan bersama (pistol perekat panas, pistol pengokot).
3. Pahat tepi serong digunakan untuk kerja memahat dan saiznya ditentukan berdasarkan (tinggi, lebar) mata pemotong.
4. Tali sawat menghubungkan dan memindahkan tenaga kinetik dari takal pemacu ke takal (pemacu, dipacu).
5. Pelekat merupakan bahan kemasan yang digunakan untuk mencantikkan permukaan (kayu, perspeks).

(7 Markah)